

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

KOMPETENSI PENGGUNAAN 6P TERHADAP PENGHASILAN POLA PAKAIAN BAGI PROGRAM FESYEN TVET

Norulaini Mohd Ramly¹ dan Nazlina Shaari²

^{1,2}Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Pasir Gudang, Malaysia

ainieyramly@gmail.com¹

nazlinashaari@upm.edu.my²

Abstrak

Peralatan merupakan objek utama dalam membantu manusia dalam kehidupan seharian. Setiap hasil kerja yang dihasilkan menggunakan pelbagai jenis peralatan sama ada secara manual mahupun menggunakan mesin dalam penghasilan pakaian. Permasalahan yang dihadapi oleh pelajar adalah tidak mengikut proses penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola dengan sistematik. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui proses penggunaan 6P dalam penghasilan pakaian yang lebih sistematik kepada pelajar program fesyen TVET. Kaedah kajian menggunakan kajian literatur yang diperolehi daripada jurnal dan artikel, temu bual serta pemerhatian penyelidik terhadap responden. Analisis data menggunakan kaedah transkrip daripada temu bual dan pemerhatian penyelidik terhadap pelajar semasa proses penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian atau 6P dihuraikan dengan menggunakan kaedah KJ. Di akhir kajian ini akan dapat mengetahui proses penggunaan 6P dalam pendidikan yang berorientasikan kemahiran khususnya bagi pelajar program fesyen TVET dengan lebih efisien dan bersistematik. Selain dapat meningkatkan keupayaan dan kefahaman pelajar dalam mempelajari proses penghasilan pakaian.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata Kunci: Proses Penggunaan, Pengendalian, Penghasilan Pakaian dan 6P

Pengenalan


Pakaian dihasilkan melalui proses asas seperti memotong dan menjahit kain selama berabad-abad lamanya. Manusia dan peralatan untuk melaksanakan kerja tidak dapat dipisahkan dan menjadi kepentingan dalam kehidupan seharian. Menurut Jan Noyes (2001), sejak 5000 tahun dahulu lagi, kehidupan manusia seharian banyak melibatkan penggunaan pelbagai jenis peralatan dalam membantu kerja dan kehidupan seharian manusia. Dengan penerapan produksi atau industri penghasilan pakaian secara besar-besaran, perubahan proses diubah dan menjadi keperluan untuk mendapatkan saiz ukuran pola yang dapat digunakan dalam menghasilkan pakaian seragam untuk berbagai jenis dengan menjimatkan masa dan tenaga kerja (Kidwell dan Christman, 1974).

Penghasilan pola pakaian merupakan proses pertama dalam penghasilan pakaian. Proses penggunaan dan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian (6P) merupakan proses penghasilan pakaian daripada proses permulaan sehinggalah kepada proses terakhir (Shalini Singh dan Rajeev Singh, 2017). Penghasilan pakaian bukan sahaja perlu diutamakan pelajaran material dalam menghasilkan rekaan pakaian namun ianya perlu diberikan fokus sepenuhnya terhadap proses penghasilan pola pakaian, pemotongan fabrik dan jahitan pada pakaian. Kualiti penghasilan pakaian diukur daripada potongan rekaan yang berkaitan rapat dengan pendrafan pola pakaian serta kekemasan jahitan tangan dan mesin.

Dalam pengeluaran pakaian, pembuat pola akan membuat pola mengikut ilustrasi yang dibuat oleh seorang pereka. Walaupun ilustrasi reka bentuk yang sama digunakan, bayangan dan bentuk pakaian akhir mungkin berbeza bergantung pada kemahiran, pengalaman, dan kemampuan pembuat pola, yang pada gilirannya, dapat mempengaruhi penampilan pakaian

tersebut. Pembuat pola pakaian menghasilkan pola menggunakan kaedah mendraf pola atau pola rata berdasarkan ukuran tertentu. Pola asas boleh diubahsuai semasa pendrafan pola untuk reka bentuk tertentu.

Banyak kaedah penghasilan pola rata untuk pola asas telah dikembangkan oleh institusi pendidikan dan syarikat, dan kadang-kadang oleh pembuat pola individu (Fujii, C., Takatera, M., & Kim, K., 2017). Pelbagai kaedah penghasilan dan pembuatan pola telah diterbitkan di pelbagai negara untuk tujuan pendidikan dalam bidang kemahiran secara manual dan penggunaan teknologi (Diagram 1).



Rajah 1: Manusia dan mesin
(Sumber: Jan Noyes daripada buku '*Designing for human*')

Melalui Hsu dan Wu (1991), faktor manusia juga merangkumi keseluruhan objek yang digunakan dari reka bentuk alat yang mudah dalam produk seharian seperti gelas minuman. Oleh yang demikian, dalam proses penggunaan 6P dapat membantu pelajar lebih mudah memahami manual prosedur penggunaan dan pengendalian peralatan untuk penghasilan pakaian. Walaubagaimanapun, produk yang dihasilkan perlu berkonsepkan mesra pelajar dan penerapan elemen utama ergonomik dalam penghasilan produk dengan ciri mesra pengguna. Namun elemen antropometri dan aplikasinya perlu dititikberatkan dalam merancang penghasilan produk yang berergonomik dan persekitaran mengikut keperluan pelajar dan kesesuaian peralatan yang digunakan mengikut bidang kerja (Iman Dianat et al., 2018). Oleh yang demikian, untuk mendapatkan pakaian dengan penampilan yang lebih baik, perlu memahami kesan gabungan kaedah pembuatan pola mengikut saiz badan pengguna dengan menggunakan konsep 6P.

Kaedah Penyelidikan

Pengetahuan dan Pengalaman (*Empirical Research*)

Kaedah kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini menggunakan kaedah pengetahuan dan pemerhatian penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan (Ghazali Daruslaam, 2018). Melalui pemerhatian di lapangan mendapati bahawa 6P adalah proses asas yang penting dalam penghasilan sehelai pakaian.



Rajah 2: Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan
(Sumber: Pengalaman dan pemerhatian penyelidik di lapangan Kolej Komuniti)

Temu bual dan Pemerhatian

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual pemerhatian daripada pengalaman penyelidik semasa mengajar di program fesyen TVET. Penyelidik mendapati pelajar perlu menguasai asas dalam mengenalpasti serta mengetahui setiap penggunaan peralatan pendrafan pola pakaian dengan baik. Walaubagaimanapun, minat pelajar juga menjadi salah satu faktor kepada penguasaan pelajar dengan lebih mudah lagi. Berikut merupakan jadual pemerhatian yang telah dijalankan oleh penyelidik.

Jadual 1: Pemerhatian dilaksanakan terhadap pelajar di program fesyen TVET

Responden	Kategori	Masa	Pemerhatian
Responden A dan B (Pelajar Baru)	Arahan	30 Minit	Responden A dapat mendengar dan memahami dengan baik arahan yang diberikan.
	Memahami		Responden perlu diberi penerangan dengan bantuan daripada kawan dan penyelidik untuk memahami nota rujukan yang diberikan.
	Mengenalpasti peralatan		Responden tidak dan kurang menguasai pelajaran peralatan dengan sepenuhnya seperti pembaris lengkung dan pembaris <i>French Curve</i> .
	Menguasai		Responden tidak menguasai pelajaran peralatan mendraf pola seperti pembaris <i>French Curve</i> dan pembaris <i>Curve</i> .
	Pola siap		Responden dapat menyiapkan tugas menghasilkan pola yang diberikan namun memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada pengajar dan rakan-rakan.
	Arahan		Responden A dapat mendengar dan memahami dengan baik arahan yang diberikan.
Responden C dan D (Pelajar Berpengalaman)	Memahami	20 Minit	Responden dapat memahami nota rujukan pola menghasilkan lengan baju dengan baik.
	Mengenalpasti peralatan		Responden dapat menyebut nama setiap peralatan dan mengenalpasti peralatan yang digunakan.
	Menguasai		Responden menguasai pola yang diberikan dan dapat menggunakan peralatan mendraf dan mengendalikan peralatan mendraf pola namun tidak menguasai sedikit menggunakan pembaris <i>French Curve</i> untuk membentuk lengkung lengan dengan tepat.
	Pola siap		Responden dapat menyiapkan dan menghasilkan pola lengan baju namun perlu diberikan panduan semasa menghasilkan pola dalam pelajaran peralatan mendraf pola pakaian.

Sumber kajian lapangan pemerhatian di program fesyen TVET 2020

Jadual 1 menunjukkan data analisis transkrip daripada temu bual dan pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik terhadap pelajar program fesyen TVET antara pelajar baru dan pelajar senior. Hasil daripada penilaian yang telah didapati daripada sesi temu bual dan pemerhatian ini, pelajar baru tidak menguasai proses penggunaan 6P sepenuhnya yang seharusnya pelajar perlu mahir dalam mengendalikan kesemua jenis peralatan mendraf pola dengan sebaiknya. Melalui kaedah KJ, penyelidik mendapat sumber maklumat untuk kajian dengan menggunakan beberapa kaedah antaranya ialah kaedah *Brainstroming* melalui pengalaman, aktiviti berkumpul pelajar program fesyen TVET dan peralatan mendraf pola sedia ada. Manakala bagi pelajar senior pula mereka perlu lebih cekap dan mahir dalam proses penggunaan 6P berbanding dengan pelajar baru. Pelajar senior perlu membuat latihan praktikal sentiasa dalam penggunaan 6P. Seharusnya mereka perlu memahami asas pengenalan setiap jenis peralatan dan fungsinya. Perbezaan masa yang diperuntukkan antara pelajar baru dan lama dalam menghasilkan pola yang sama tidak jauh berbeza. Ini menunjukkan tahap penguasaan kedua-dua kumpulan pelajar yang berbeza dapat dinilai melalui masa penghasilan pola lengan yang diberikan. Antaranya bahagian lengkungan tepi bahagian badan, keruk lengan, keruk leher dan lengkungan dibahagian pinggang ke pinggul. Seterusnya barulah pelajar boleh memahami sistem atau prosedur penghasilan pola pakaian setelah mahir setiap peralatan yang digunakan semasa mendraf pola.

Proses Penggunaan 6P

Daripada analisis kajian yang dijalankan menggunakan kaedah pengetahuan dan pemerhatian mendapati bahawa pelajar lemah dalam mentafsir atau memahami proses pelajaran 6P mengikut prosedur seperti yang ditetapkan. Melalui diagram 3 ini, menjelaskan proses pelajaran 6P untuk penghasilan sehelai rekaan pakaian daripada permulaan sehingga siap. Setiap proses diteliti dan diperkemas bagi mengelakkan kesilapan terjadi pada setiap proses yang dilalui. Berikut adalah proses penggunaan 6P dalam penghasilan pakaian:

a. Pelajaran

Pelajaran peralatan yang betul dan bersesuaian semasa proses pendrafan pola sangat penting. Peralatan yang digunakan perlu digunakan dengan cara yang betul bagi mengelakkan berlakunya kesalahan dalam penghasilan garisan pada pola seperti yang sepatutnya.

b. Pengendalian

Pengendalian setiap peralatan yang digunakan semasa proses penghasilan pola haruslah tepat dan betul. Perletakkan peralatan yang digunakan pada kertas kraf yang dihasilkan mengikut panduan dan prosedur pengendalian peralatan menggunakan manual pelajaran peralatan pendrafan pola.

c. Peralatan

Peralatan yang digunakan adalah peralatan tangan dalam proses pembuatan dan penghasilan sesuatu projek atau mendraf pola bagi menghasilkan pakaian. Peralatan yang digunakan dalam penghasilan pola pakaian terdiri daripada beberapa alatan tangan seperti i) Pembaris lurus, ii) Pembaris lengkung, iii) Pembaris 90° iv) Pembaris *French Curve* v) Pita Pengukur dan vi) Mesin kira-kira.

Peralatan di atas merupakan peralatan utama yang perlu ada dalam proses menghasilkan pelbagai jenis pola daripada pola asas sehinggalah kepada pola sukar. Pengetahuan asas dalam pelajaran setiap peralatan amatlah penting dan harus mahir menggunakan setiap peralatan ini. Bagi pelajar yang masih keliru dan tidak menguasai pelajaran setiap peralatan ini akan menyebabkan masalah semasa proses pendrafan pola. Oleh yang demikian, pelajar perlu mengetahui dan memahami setiap peralatan jenis dan fungsi peralatan yang digunakan.

d. Pendrafan


Pendrafan adalah proses pelaksanaan penghasilan pola pakaian di atas kertas kraf atau kertas minyak daripada ukuran badan pelanggan dan juga rekaan yang telah dihasilkan. Saiz ukuran pelanggan dipindahkan kepada kepingan-kepingan kertas sebelum menjalani proses pemotongan pola pakaian di atas fabrik sebenar.

e. Pola Pakaian

Pola pakaian terdiri daripada keratan bagi bahagian-bahagian pakaian yang di terap pada fabrik sebelum dipotong dan dijahit. Pola ialah kepingan bentuk pakaian yang dibuat rata pada kertas draf mengikut stail pakaian yang direka. Pola biasanya diperbuat daripada kertas atau daripada bahan-bahan seperti papan kertas, kertas minyak atau kadbod. Proses membuat atau menggunting pola disebut membuat pola (*Patternmaking*) atau menggunting pola (*Pattern Cutting*). Keperluan dalam pendrafan pola melibatkan 4 aspek utama seperti i) Lakaran pakaian, ii) Ukuran badan, iii) Lukisan teknikal dan iv) Ciri-ciri stail pakaian.

f. Pakaian

Pakaian adalah hasil kerja siap yang telah dihasilkan dan boleh dipakai atau digunakan oleh pelanggan mengikut saiz, rekaan, keselesaan dan kemas siap. Hasil kerja yang kemas penting pada pakaian yang telah siap dihasilkan dan pelanggan sangat berpuas hati dengan hasil kerja yang dilaksanakan oleh tukang jahit atau pereka.



Rajah 3: Proses penggunaan 6P untuk penghasilan pakaian
(Sumber: Kajian lapangan pemerhatian di program fesyen TVET 2020)

Justeru itu, proses penggunaan 6P amat penting dalam prosedur penghasilan pakaian sehingga siap. Setiap langkah haruslah mengikut prosedur dan pelajar perlu mempunyai pengetahuan asas sebelum menghasilkan pakaian. Jika tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas akan menyebabkan permasalahan pada proses yang seterusnya. Melalui proses penggunaan 6P ini dapat digunakan sebagai garis panduan kepada pelajar dan pengguna dalam penghasilan pola pakaian dengan lebih sistematik dan efisien. Disamping dapat mengurangkan risiko kesilapan yang dilakukan oleh seseorang individu pada pola atau pakaian yang dihasilkan. Proses penggunaan 6P juga boleh dijadikan panduan dan manual kepada pelajar program fesyen TVET dalam kelas amali mereka.

Penutup

Proses penggunaan 6P adalah proses yang penting dan perlu dilaksanakan dengan teliti. Pelajar perlu mengetahui setiap penggunaan dan pengendalian peralatan dengan betul dan bersistematik. Ketepatan pola yang tidak mengikut spesifikasi akan mengakibatkan masalah yang besar pada hasil pakaian yang dihasilkan. Oleh yang demikian, penghasilan pakaian tidak tepat berpunca daripada penghasilan pola pakaian yang salah. Penghasilan pakaian dengan menggunakan proses penggunaan 6P dapat memudahkan pelajar atau pengguna dalam membantu mereka untuk meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran yang lebih sistematik dan efisien. Selain dapat mengurangkan risiko dalam menghadapi masalah semasa proses penghasilan pakaian yang perlu melalui beberapa peringkat. Seterusnya dapat membawa perspektif baru terhadap pendidikan kemahiran TVET ke dalam industri pembuatan pakaian secara individu mahupun industri pengilangan yang merangkumi idea menyelesaikan masalah, menjana pengetahuan baru dan punca pendapatan pada masa kini.

Rujukan:

- Ellen Carol McKinney, Elizabeth Bye & Karen LaBat (2012). Building patternmaking theory: a case study of published patternmaking practices for pants, *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*, 5:3, 153-167, DOI: 10.1080/17543266.2012.666269
- Fujii, C., Takatera, M., & Kim, K. (2017). Effects of combinations of patternmaking methods and dress forms on garment appearance. *Research Journal Autex*, 17(3), 277–286. doi:10.1515/aut-2016-0020.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan. *Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hsu, S-H, and Wu, S-P. (1991). An investigation for determining the optimum length of chopsticks. *Applied Ergonomics*, 22(6), 395-400.
- Iman Dianat, Johan Molenbroek & Héctor Ignacio Castellucci (2018). A review of the methodology and applications of anthropometry in ergonomics and product design, *Ergonomics*, 61:12, 1696-1720, DOI: 10.1080/00140139.2018.1502817.
- Jan Noyes (2001). Designing for humans. *Taylor & Francis Group*. ISBN: 0-415-22721-6.
- Kidwell, C.B. and Christman, M.C.S., 1974. *Suiting everyone: the democratization of clothing in America*. Washington: Smithsonian Institution Press.
- Shalini Singh dan Rajeev Singh (2017). Development of a CAD tool for pattern making of garments. *International Journal of Innovative Computer Science & Engineering*, Volume 4 Issue 2; March-April-2017; Page No. 11-15
- Responden A, B, C, D, E & F. Pemerhatian Kolej Komuniti Temerloh, *Studio Fesyen 3 di Kolej Komuniti Temerloh*, 14 Januari 2019.
- Responden 1 & 2. Temu Bual, Kolej Komuniti Temerloh, *Bilik Pensyarah di Kolej Komuniti Temerloh*, 28 Januari 2020.
- Responden 3 & 4. Temu Bual, Kolej Komuniti Selayang, *Bilik Mesyuarat Kecil di Kolej Komuniti Selayang*, 28 Januari 2020.

Responden 5 & 6. Temu Bual Kolej Komuniti Raub, *Bilik Timbalan Pengarah Akademik di Kolej Komuniti Raub*, 19 Mac 2020.

Responden Pakar Dalam Bidang 1 – 6, Soal Selidik, Kolej Komuniti Selayang, *Bengkel Fesyen 1 di Kolej Komuniti Selayang*, 12 November 2020.

Responden Pakar Dalam Bidang 7-10. Soal Selidik, Kolej Komuniti Temerloh, *Bilik Seminar di Kolej Komuniti Temerloh*, 3 Disember 2020.